

KEDIDI KAKI MERAH
Common Redhank

FAMILI: Scolopacidae
NAMA SAINTIFIK: *Tringa tatanus*



CIRI-CIRI

Semasa di luar musim membiak, individu dewasa bagi spesies ini mempunyai bahagian atas badan berwarna kelabu coklat manakala bahagian bawah badan berwarna putih serta terdapat jalur-jalur gelap pada bahagian dada. Individu ini mempunyai bahagian paruh yang berwarna merah dan tegap serta bahagian kaki yang berwarna yang berwarna merah cerah. Bahagian sisi kepala berwarna kelabu manakala jalur sekeliling mata berwarna putih. Semasa terbang kelihatan warna putih pada bahagian hujung sayap. Bagi individu dewasa semasa musim membiak pula, bahagian atas badan berwarna coklat serta terdapat jalur-jalur kecil yang berwarna hitam sementara pada bahagian kepala, leher dan bahagian bawah badan, jalur-jalur gelap ini lebih jelas kelihatan. Individu juvenil bagi spesies ini menyerupai individu dewasa semasa musim membiak tetapi pada bahagian atas badan dan bahagian atas pangkal sayap terdapat bintik-bintik berwarna kuning pucat pudar serta bahagian sisi dada yang berjalur. Bahagian kaki pula berwarna kekuningan. Individu dewasa bagi spesies ini mempunyai saiz di antara 27-29 sm.

MAKANAN

Makanan utama spesies ini terdiri daripada siput yang bersaiz kecil, kerang, serangga-serangga kecil dan cacing.

HABITAT

Burung ini boleh dijumpai di kawasan perisiran tanah lembap, kawasan berpaya, beting lumpur dan kawasan sungai yang besar.

BUNYI

Semasa terbang ianya mengeluarkan bunyi *teu-hu-hu*. Apabila berada dalam keadaan terancam, ia mengeluarkan bunyi *tyuuu* yang panjang dan berulang-ulang.

STATUS:

Akta 76/72, dipelihara.